



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**18 MAC 2021 (KHAMIS)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**18 MAC 2021 (KHAMIS)**

## KPDNHEP terima 11,523 aduan

**Kuala Lumpur:** Isu dianggap serius apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 11,523 aduan berhubung penipuan urus niaga dalam talian di seluruh negara sepanjang tahun lalu.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, angka itu dijangka terus meningkat apabila pihaknya menerima sebanyak 1,624 aduan berhubung urus niaga dalam talian menerusi sistem E-Aduan bagi tempoh Januari hingga Februari lalu.

"Secara umum, urus niaga dalam talian (e-dagang) adalah kaedah membeli dan menjual produk atau

perkhidmatan antara peniaga serta pengguna melalui media elektronik seperti radio, televisyen, komputer dan telefon pintar.

"Bagi urus niaga dalam talian, proses itu menggunakan rangkaian internet untuk berhubung antara pembeli dan penjual. Kebanyakan aduan yang kami terima membabitkan penipuan e-dagang apabila pengguna tidak menerima barang atau perkhidmatan ditawarkan.

"Malah, ada barang atau perkhidmatan yang diterima tidak seperti ditawarkan selain harga barang, iklan atau perkhidmatan mengelirukan," katanya.

Azman berkata, pihaknya sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap peniaga dengan menguatkuasakan peruntukan perundangan sedia ada dalam usaha KPDNHEP untuk melindungi pengguna daripada dieksploitasi oleh peniaga tidak beretika.

"Terdapat beberapa akta dan peraturan yang dikuatkuasakan untuk melindungi pengguna dalam transaksi dalam talian atau secara fizikal iaitu di bawah Akta

Perlindungan Pengguna 1999 dan Peraturan Subsidiari dan Akta Perihal Dagangan 2011.

"Selain itu, tindakan undang-undang juga boleh diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta Akta Cap Dagangan 2019 dalam isu berkenaan," katanya.

Beliau menasihatkan pengguna supaya menggunakan hak dan membuat pilihan bijak ketika melakukan pembelian dalam talian termasuk membandingkan harga terlebih dahulu supaya tidak terperdaya dengan harga ditawarkan.

"Semak maklumat perniagaan iaitu alamat perniagaan atau nombor lesen perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi mengesahkan ketulenan aktiviti perniagaan selain menyemak testimoni bagi tujuan penilaian yang dibuat oleh individu yang pernah membeli.

"Selain itu, pilih laman sesawang yang dipercayai dan selamat selain dapatkan butiran peribadi penjual dan hubungi peniaga terlebih dahulu. Ambil kira kos sampingan bagi barang yang dibeli melalui laman sesawang asing atau syarikat luar negara.

"Pengguna juga perlu kenal pasti kaedah pembayaran yang perlu dilakukan dalam pembelian dan pastikan pemegang akaun adalah sama seperti nama penjual. Simpan juga semua bukti pembelian dengan cara membuat cetakan resit sehingga produk yang dibeli sampai ke tangan," katanya.



## FAMA, KPDNHEP kekang penipuan harumanis

**KANGAR** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mengekang penipuan membabitkan penjualan memelam harumanis Perlis di pasaran termasuk secara dalam talian.

Timbalan Ketua Pengarah Operasinya, Mohamad Mustahapa Awang berkata, pihaknya bersama KPDNHEP akan memantau penjualan harumanis dari negeri ini yang bermula bulan hadapan.

"Kita ada menerima laporan berlakunya penipuan yang mana pembeli menerima memelam jenis lain, bukan jenis harumanis dari Perlis pada musim lalu.

"Ada yang berlaku disebabkan kekeliruan apabila ada peniaga menggunakan perkataan haru-

manis pada buah mangga yang dijual, sebagai contoh harumanis Kemboja dari Thailand," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penutup Kursus Pengendalian Kualiti dan Gred Mangga Harumanis di FAMA Perlis di sini semalam.

Katanya, peniaga yang didapati menipu atau mengelirukan pengguna boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Perlindungan Pengguna.

"FAMA juga boleh mengambil tindakan kepada pihak tidak bertanggungjawab itu di bawah Peraturan Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan FAMA 2008," jelasnya.

Mohamad Mustahapa pada masa sama menasihatkan pengguna supaya lebih berhati-hati jika mahu membeli harumanis dengan memastikan ia benar-benar harumanis Perlis.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, kata beliau, pihaknya yakin mampu membantu pengusaha untuk memasarkan harumanis Perlis pada musim ini ketika larangan merentas negeri masih dikuatkuasakan.

"Jangkaan awal pengeluaran musim kali ini ialah 3,000 metrik tan dan sebanyak 24 stesen pengumpulan dan penghantaran harumanis di seluruh negara telah dikenal pasti," jelasnya.

Tambahnya, penghantaran harumanis ke seluruh negara menggunakan empat syarikat kurier dan tiada isu harumanis rosak akibat kelewatan penghantaran oleh syarikat kurier.

Harga harumanis dijual mengikut permintaan semasa dengan harga pasaran biasanya antara RM120 hingga RM140 untuk tiga kilogram.



**MOHAMAD MUSTAHAPA (kanan) dan Pengarah FAMA Perlis, Mohamad Paisal Amri melihat harumanis di FAMA Perlis, Kangar semalam.**

 <b>Senarai Harga Barang Keperluan</b>	• Ayam <b>RM5.99</b>	• Telur Gred A <b>RM7.99</b>	• Gula Pasir <b>RM2.85</b>	• Cili Merah <b>RM9.50</b>
	• Daging Lembu Tempatan <b>RM34</b>	• Ikan Kembung <b>RM9.99</b>	• Bawang Besar Holland <b>RM2.89</b>	• Kubis Bulat Tempatan <b>RM3.50</b>
	• Daging Lembu Import <b>RM18.90</b>	• Minyak Masak <b>RM5.30</b>	• Bawang Putih <b>RM4.49</b>	• Tepung Gandum <b>RM2.15</b>
				<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>

## Harga petrol RON97 naik tujuh sen

**SHAH ALAM** - Harga runcit petrol RON97 naik tujuh sen seliter daripada RM2.40 kepada RM2.47 seliter manakala harga runcit RON95 dan diesel kekal pada paras RM2.05 serta RM2.15 bagi tempoh 18 Mac sehingga 24 Mac depan.


Kementerian Kewangan dalam kenyataan pada Rabu berkata, harga itu berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

“Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, kerajaan

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOR 18 MAC 2021 SEHINGGA 24 MAC 2021		
 <b>RON97</b>	 <b>RON95</b>	 <b>DIESEL</b>
 7 sen	 0 sen	 0 sen
<b>RM2.47</b> /seliter	<b>RM2.05</b> /seliter	<b>RM2.15</b> /seliter

mengkekalkan harga runcit petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter sungguhpun harga pasaran sebenar telah meningkat melebihi paras yang ditetapkan,” kata kenyataan itu.

Dalam masa sama, kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.



**New fuel prices**  
March 18 - March 24

RON95	<b>RM2.05</b> (unchanged)
RON97	<b>RM2.47</b> (+7 sen)
DIESEL	<b>RM2.15</b> (unchanged)

The graphic features a red circular icon with a white fuel nozzle and a drop of fuel. The text is presented in a clean, sans-serif font, with the new prices highlighted in bold red. Horizontal lines separate the three fuel categories.